

DENGAN tema konsert kerohanian, barisan artis yang kami tampilkan juga begitu istimewa memandangkan Konsert Pancaindera diadakan di Stadium Tertutup Nilai minggu lalu sempena dengan Fiesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan.

Sepanjang berlangsungnya konsert, kebanyakan peminat yang membanjiri perkarangan stadium cukup teruja. Pelbagai lapisan masyarakat dan pelbagai latar belakang peminat hadir memberi sokongan.

Paling tidak, kami hanya menyajikan kepada penonton yang hadir dengan barisan artis yang sudah diketahui 'bersih' daripada pelbagai kontroversi.

Acara konsert yang dimulakan tepat pukul 9 malam itu diacarakan oleh Irma Hasmie dan Amin Idris. Bagi yang belum mengenali Amin, mereka berdua adalah pasangan pengacara rancangan *Assalamualaikum* yang disiarkan di stesen Al-Hijrah.

Konsert pada malam itu dimulakan dengan penampilan penyanyi Aiman. Biarpun mungkin kurang dikenali Aiman sebenarnya mempunyai ramai peminat.



HANYA tampil bertiga, In-Team tetap memberikan yang terbaik.

Buktinya pada malam itu hampir seluruh khalayak menyanyikan lagu *Cinta Terakhir* yang dipopularkan oleh Aiman kira-kira tiga tahun yang lalu.

Malam semakin larut dengan kehadiran Heliza Helmy yang ayu bertudung litup. Pada malam itu dia menyampaikan dua buah lagu termasuklah *Insyallah* yang dipopularkan oleh Maher Zain dan lagu *Standing In The Eyes Of The World*.

Pentas kemudian diambil alih oleh penyanyi Nassier Wahab yang mendendangkan lagu *Masih Ingat Tak Lagi* dan lagu 'berhantu' *Memori Cinta Luka*.

In-Team tidak mengecewakan seluruh peminat yang rata-ratanya pelajar USIM dengan lagu *Dia*



TERNYATA aura yang dimiliki Aishah masih belum pudar tatkala dia diberikan sorakan luar biasa oleh penonton.

Muhammad dan Nur Kasih sebelum Fazli Zainal menyanyikan lagu *Padamu Aku Bersujud dan Harapan*.

Nubhan mungkin artis muda yang cukup popular dan ramai peminat. Memandangkan ini merupakan antara kemunculan julung-julung kali penyanyi itu ke dalam konsert ini, dia mendendangkan dua buah lagu yang cukup istimewa.

Lagu *Juwita* dan lagu *Sedetik* Lebih cukup kena dengan suasana malam yang semakin larut sebelum Aishah mengambil pentas menutup persembahan pada malam itu.

Pengalaman yang dimiliki oleh penyanyi yang cukup popular dengan lagu *Janji Manismu* itu memang meletakkan Aishah selangkah di hadapan. Dia berjaya memukau seluruh khalayak untuk larut dalam emosi dengan rangkaian lagu-lagu yang dipopularkan olehnya.

Hampir seluruh peminat yang teruja dengan persembahan Aishah. Apa yang penting Aishah membuktikan yang dia masih lagi berbisa dan mampu menakluk hati peminat yang hadir sebelum persembahan beramai-ramai lagu *Balik Kampung* oleh Roslan Shah.

## Emosi kerohanian di USIM



NUBHAN membuktikan yang dia mempunyai ramai peminat di kalangan pelajar USIM.



AKSI Roslan Shah mengusik salah seorang penonton malam itu.

## Suara Juhairee pukau juri

CUBAAN kali pertama seorang pelajar dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam pertandingan karaoke Pesta Konvo universiti tersebut



Hampir seluruh peminat yang teruja dengan persembahan Aishah. Apa yang penting Aishah membuktikan yang dia masih lagi berbisa dan mampu menakluk hati peminat yang hadir.

mendatangkan tuah baginya apabila dinobatkan sebagai juara keseluruhan.

Mohd. Juhairee Bin Mohd. Junaidi Khan, berjaya menewaskan sembilan lagi finalis lain dengan persembahan mantapnya yang sejak peringkat awal lagi telah menyakinkan pihak juri.

Juhairee yang menendangkan lagu *Kekasih Awal dan Akhir* nyanyian Jamal Abdillah itu, memberikan persembahan yang cukup bertenaga dengan intonasi yang cukup hebat bagi menambat hati pihak juri.

"Alhamdulillah, ini satu rezeki bagi saya, saya sangat bersyukur dengan kemenangan yang saya perolehi hari ini, saya sungguh gembira dan saya masih tidak



NASSIER WAHAB.

sangka yang saya telah menang.

"Ini adalah percubaan kali pertama saya, memang saya tidak sangka boleh menang, sebelum ini kawan-kawan yang suruh saya cuba masuk pertandingan ini," ujar Juhairee yang mengambil jurusan al-Quran dan Sunnah di universiti tersebut.

Tambah pelajar tahun tiga ini, rata-rata peserta yang berjaya memasuki peringkat akhir ini mempunyai suara yang sangat hebat dan cukup sukar baginya untuk menewaskan peserta-peserta lain.

"Setelah tiga tahun saya berada di sini, pesta kali ini adalah yang paling menyeronokkan dan mengujakan.

"Apa tidaknya kali ini pesta konvo telah dianjurkan oleh pihak Utusan Malaysia, perjalanan majlis cukup teratur dan sungguh menghiburkan dengan kehadiran artis-artis terkenal tanah air," katanya.

Juhairee memenangi wang tunai sebanyak RM1,000 di samping hamper dan sijil, manakala tempat kedua disandang oleh Mohd. Firdaus Syazwan dan tempat ketiga dimenangi oleh Abdul Rahman, masing-masing membawa pulang hadiah RM800 dan RM500 serta sijil setiap seorang.

Pertandingan ini telah diadakan oleh empat juri profesional antaranya Azza Elite, Fazli Zainal dan wakil wartawan Pancaindera.

Seramai 70 orang peserta mengambil bahagian dalam pertandingan karaoke anjuran Minggu Malaysia ini yang terbuka kepada sesiapa sahaja yang berusia 18 tahun keatas dengan bayaran sebanyak RM5 sahaja.



JUHAIREE bersama cek bernilai RM1,000 miliknya apabila muncul sebagai juara pertandingan karaoke.



FAZLI Zainal mendendangkan lagu *Padamu Aku Bersujud dan Harapan*.